**KOSMO – 2 JUNE 2017**



## NHF mahu pertingkat sumbangan daripada pasaran luar negara kepada 70 peratus

# Pendapatan eksport bertambah

KUALA LUMPUR – New Hoong Fatt Holdings Bhd. (NHF), pengeluar alat ganti automotif, menyasarkan untuk meningkatkan sumbangan pendapatan eksportnya kepada 70 peratus menjelang tahun 2021.



Pengarah Urusan, Chin Jit Sin **(gambar)** berkata, jualan kumpulan daripada pasaran seberang laut ketika ini berada pada 52 peratus.

"ASEAN kekal sebagai tumpuan utama kumpulan dengan 30 peratus sumbangannya kepada jumlah eksport.

"Kami sedang berusaha untuk menambah produk dan liputan pengedaran di rantau ini, di samping pelaburan yang sedang dibuat dalam modal insan.

"Kami yakin berada di atas landasan yang betul untuk mencapai sasaran tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat berkenaan di sini semalam.

NHF kini mengeksport ke lebih 50 buah negara dan selain ASEAN, pasaran utamanya ialah Timur Tengah, Amerika Tengah dan Selatan, Eropah dan Afrika.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, syarikat itu mencatat kenaikan 38.8 peratus dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM38.8 juta manakala pendapatan bertambah 31.9 peratus kepada RM231.9 juta.

Tambah beliau, keputusan tertinggi itu disebabkan kesan menggalakan daripada keuntungan pertukaran asing yang menyumbang kira-kira RM6.8 juta kepada keuntungan kumpulan manakala bagi pendapatan, jumlah jualan juga telah meningkat.

Menurutnya, syarikat itu telah memperuntukkan kira-kira RM30 hingga RM35 juta dalam perbelanjaaan modal tahun ini untuk pembangunan produk, membeli kelengkapan bagi menambah kapasiti dan menaik taraf kelengkapan, tidak termasuk pembelian tanah di Indonesia bernilai RM18 juta yang dijangka selesai menjelang Julai ini.